


WILAYAH KU

BIL 30 2 - 8 OGOS 2019
PERCUMA PP19441/12/2018 (035014)

mediawargakota



DBKL sita kelab malam

Dua remaja bawah umur ditahan positif dadah

DEWAN Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) bertindak tegas menyita sebuah kelab malam di Jalan Kia Peng, Kuala Lumpur baru-baru ini.

Tindakan itu ekoran Ops Bersepadu Tindakan Khas ke atas premis hiburan tersebut bersama Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) Kuala Lumpur berjaya menahan dua remaja bawah umur.

Mereka antara 20 individu yang ditahan selepas disyaki positif dadah jenis syabu serta tetra hydrocannabinol

(THC).

Penolong Pengarah Penguatkuasaan AADK Kuala Lumpur, Mohamad Hanif Omar berkata, ketika serbuan dilakukan, seramai 60 orang sedang asyik 'bergoyang' dan kesemua mereka telah diperiksa.

"Selepas kita menjalankan ujian sarungan urin, 20 daripada mereka yang ditahan didapati positif dadah," katanya.

BERITA PUH DI MUKA 2



Agong titah usaha basmi kemiskinan diberi keutamaan

KUALA LUMPUR – Yang di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah menitahkan supaya usaha membasmi kemiskinan diberi keutamaan menerusi pelaksanaan kerajaan dalam menyusun semula rancangan pembangunan dan mengukuhkan fiskal negara.

Seri Paduka turut menyambut baik usaha untuk meningkatkan tadbir urus dan integriti, memerangi rasuah serta mempertahankan keluhuran undang-undang yang diperkemaskan pada masa ini.

Baginda juga menzahirkan keyakinan bahawa kerajaan Pakatan Harapan pimpinan Tun Dr. Mahathir Mohamad, yang berpengalaman luas lagi bestari, akan dapat mengharungi apa juga rintangan mendatang dan seterusnya membawa negara ke mercu kejayaan.

"Beta ingin mengucapkan tahniah kepada kerajaan beta yang berpandangan jauh dalam merencana gagasan ekonomi baru yang dinamakan Wawasan Kemakmuran Bersama 2030.

"Beta berharap usaha-usaha untuk



AL-SULTAN ABDULLAH bersama Tunku Azizah Maimunah Iskandariah berada di singgahsana pada Istiadat Pertabalan Yang di-Pertuan Agong ke-16 di Istana Negara, Selasa lalu. FOTO: Unit Foto Jabatan Penerangan

membasmi kemiskinan turut diberikan keutamaan. Kitaran warisan kemiskinan wajar ditangani segera kerana ia bakal menjelaskan agenda pembentukan negara maju," titah Sultan Abdullah pada

Istiadat Pertabalan Seri Paduka sebagai Yang di-Pertuan Agong ke-16, di Istana Negara, Selasa lalu.

Pada Istiadat Pertabalan yang dihadiri Raja-Raja Melayu dan tetamu di-

raja luar negara, Seri Paduka dan Raja Permaisuri Agong Tunku Hajah Azizah Aminah Maimunah Iskandariah diiringi alunan tiupan nafiri daripada Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dan paluan nobat Kumpulan Nobat Diraja Terengganu yang memainkan lagu 'Raja Berangkat' seiring keberangkatan masuk pasangan diraja itu.

Ketibaan Sultan Abdullah yang lengkap berpakaian rasmi Yang di-Pertuan Agong dikenali sebagai 'Muskat' dan Tunku Azizah yang anggun dalam persalinan tenun Pahang berwarna putih gading menarik perhatian seluruh jemputan yang mengiringi langkah kedua-dua pasangan diraja itu untuk bermalam di singgahsana.

Sultan Abdullah berkenan menzahirkan ucapan menjunjung kasih di atas keberangkatan Sultan Brunei, Sultan Hassanal Bolkiah dan Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha serta Putera Mahkota Abu Dhabi merangkap Timbalan Komander Tertinggi Angkatan Tentera Emiriah Arab Bersatu Sheikh Mohamed Zayed Al-Nahyan.

Disyaki positif dadah jenis syabu, HTC

Remaja bawah umur antara 20 ditahan

Oleh NAZWIN NAZRI
winwilayahku@gmail.com

Kebat ingin merasai pengalaman berada di pusat hiburan, dua remaja bawah umur ditahan dalam Ops Bersepadu Tindakan Khas di sebuah premis hiburan di Jalan Kia Peng di sini baru-baru ini.

Mereka antara 20 individu yang ditahan selepas disyaki positif dadah jenis syabu serta tetra hydrocannabinol (THC).

Operasi yang bermula pada pukul 12.30 tengah malam, Isnin lalu dijalankan sepasukan pegawai dan anggota dari Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) Kuala Lumpur dengan kerjasama Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL).

Penolong Pengarah Penyuatuasaan AADK Kuala Lumpur, Mohamad Hanif Omar berkata, dalam operasi itu, seramai 60 orang ditahan ketika sedang asyik ber-goyang.

"Selepas kita menjalankan



UJIAN air kencing dijalankan oleh AADK.

ujian saringan air kencing, 20 daripada mereka yang ditahan didapati positif dadah.

"Mereka terdiri daripada 14 lelaki dan enam wanita yang berusia dalam lingkungan 16 hingga 50 tahun," katanya.

Menurut Mohamad Hanif, tindakan lanjut ke atas premis dilakukan oleh DBKL yang mengarahkan premis berkenaan ditutup serta merta.

Jelas beliau, tindakan tersebut dilakukan selepas mendapati premis yang

mempunyai lesen itu telah melanggar syarat-syarat yang dilesenkan di bawah Seksyen 17 Akta Hiburan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur 1992.

Tambah beliau, operasi tamat sepenuhnya pada pukul 5.30 pagi dan kesemua tangkapan dibawa ke ibu pejabat AADK Wilayah Persekutuan untuk siasatan lanjut di bawah Seksyen 3(1) Akta Penagihan Dadah (Rawatan dan Pemulihan) 1983.



PENGUNJUNG sebuah pusat hiburan diperiksa dalam Ops Bersepadu Tindakan Khas baru-baru ini



PREMIS hiburan yang didapati melanggar syarat disita

Ayu Atiqah sebar manfaat takaful

Oleh AZLAN ZAMBRY
azlanwilayahku@gmail.com

BIDANG insuran dan takaful merupakan sesuatu yang asing kepada dirinya sebelum ini.

Penglibatan secara tidak langsung, setelah diperkenalkan oleh rakan kepada suaminya yang juga merupakan Pengarah agensi insurans tersebut telah merubah sudut pandangnya terhadap bidang insuran ini.

Bagi Ayu Atiqah Mohd Noor Ramdzom,28, pada awalnya bidang insuran ini tidaklah begitu asing kepadanya kerana bekerja sebagai jururawat dan belajar dalam bidang kejururawatan ini lebih kepada penjagaan kesihatan semata-mata.

"Namun setelah diberi maklumat yang betul mengenai bidang ini, maka dari situ timbul minat untuk mendalami bidang ini secara serius."

"Disamping dapat menyebar luas manfaat insurans kepada orang ramai yang masih belum mempunyai maklumat dan ilmu pengetahuan yang be-



tul berkenaan bidang ini, ianya boleh boleh menambah pendapatan dan seterusnya mencipta peluang yang lebih besar melalui bidang ini" katanya kepada Wilayahku baru-baru ini.

Menurut Ayu Atiqah lagi, masih ramai yang salah anggap mengatakan insuran hanya untuk orang yang 'meninggal' sedangkan pelbagai produk yang ditawarkan dapat memberi pulangan yang setimpal kepada pencarum.

"Pulangan ini juga boleh dimanfaat pelbagai perkara seperti pendidikan dan keperluan lain" katanya.

"Selain daripada manfaat perubatan dan pendidikan, manfaat lain yang boleh didapati menjadi pencarum insurans adalah tabungan secara bulanan, malahan tahunan sekiranya mereka mengambil peluang mencarum di dalam insurans dan takaful" katanya.



Jelasnya lagi, kefahaman di dalam masyarakat melayu semakin meningkat kebelakangan ini kerana pelbagai faktor.

"Antara faktor yang memberi peningkatan adalah penularan wabak penyakit berjangkit yang mudah menyerang dan faktor kesihatan serta keselamatan"

"Faktor di atas ini telah membuka lebih banyak peluang kepada ejen seperti saya untuk sentiasa memberikan penerangan kepada orang ramai mengenai keperluan mencarum di dalam takaful," katanya lagi.

Ayu Atiqah yang berasal dari Kuala Lipis, Pahang berkata, dia akan sentiasa optimis memberikan penerangan kerana keperluan takaful sangat besar di negara ini.

"Walaupun saya masih bertarikh di dalam bidang ini, atas dasar tanggungjawab untuk membantu orang ramai supaya mengambil kesedaran serius perihal takaful ini.

"Takaful juga mempunyai pelbagai lagi produk yang memberi manfaat pada masyarakat, sebagai contoh plan simpanan hybrid yg memberi manfaat 3 dalam 1," katanya.




CARA MUDAH BAYAR ZAKAT

Layari: pzb.zakat.com.my

atau

isi Borang PPZ 052 di Kaunter PPZ-MAIWP

- Cepat
- Mudah
- Perbelanjaan Terurus



Perbelanjaan bulanan Ogos

- bayar Zakat ✓
- sewa rumah ✓
- sewa kereta ✓
- bayar bil-bil ✓
- perbelanjaan rum ✓

Boleh diselaraskan dengan PCB